

ISSUE
JAN 2025

E-ISSN: 2684-8139



Islam Universalia

International Journal of Islamic Studies and Social Sciences

Vol 6

NO. 3
JAN 2025

<https://ejournal.cyberdakwah.com/index.php/Islam-Universalia>

THE PRACTICES OF CAMPHOR HUNTING ACCORDING TO SUPERSTITIONS, ISLAMIC AND MODERN METHODS

TATACARA PEMBURUAN KAPUR BARUS MENURUT KEPERCAYAAN KHURAFAT, ISLAMIK DAN MODEN

**Mohamad Herman Abdullah¹, Fadzli Adam²,
Indra Martian Permana³, Fakhratu Naimah Muhad⁴**

^{1,2,4} Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia,

³ Universitas Ibn Khaldun-Bogor, Indonesia

Abstrak

*Kajian ini menyelidik evolusi amalan pemburuan kapur barus (*Dryobalanops aromatica*) dalam kalangan masyarakat Melayu dan faktor-faktor yang membentuk amalan ini dari zaman pra-Islam hingga ke masa kini. Ia mengkaji bagaimana pengetahuan, kepercayaan agama, dan perubahan masyarakat mempengaruhi kaedah pemburuan kapur barus. Pendekatan penyelidikan eksploratori digunakan dengan menggabungkan analisis dokumen dan kajian lapangan. Data sekunder termasuk teks sejarah dan analisis bibliografi, manakala data primer diperoleh melalui wawancara dengan pemilik ladang kapur barus, pengamal budaya di Barus, dan pakar botani dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Penyelidikan ini mengenal pasti perubahan utama dalam amalan pemburuan kapur barus merentasi tiga tempoh: pra-Islam, pasca-Islam, dan moden. Pada zaman dahulu, amalan ini dikendalikan oleh dukun dan penyembuh spiritual yang melakukan ritual berunsur khurafat, termasuk pengorbanan manusia dan haiwan untuk mendapatkan izin dari roh hutan. Namun, dengan kedatangan Islam, pemburuan kapur barus mengalami perubahan. Pendekatan Islam menekankan tauhid (keesaan Tuhan), menggantikan amalan khurafat dengan doa dan selawat ke atas Nabi Muhammad (SAW). Perubahan ini menandakan peralihan daripada ritual pengorbanan darah atau penyembahan berhala. Pada zaman moden, pendekatan saintifik dalam pemburuan kapur barus memberi tumpuan kepada*

pemahaman ekologi, klasifikasi, dan pengurusan lestari pokok kapur barus, dengan menekankan amalan yang selaras dengan pemeliharaan alam sekitar. Pendekatan ini menolak unsur-unsur khurafat dan mengutamakan pengetahuan empirik. Kesimpulannya, walaupun pemburuan kapur barus masih berakar umbi dalam tradisi, pendekatan Islam dan saintifik menawarkan jalan yang lebih beretika, praktikal, dan lestari. Perubahan ini mencerminkan kemajuan intelektual yang selaras dengan ajaran Islam dan pengetahuan saintifik moden.

Kata kunci: *Tatacara, pemburuan kapur, Islam dan Budaya Melayu, Kepercayaan Tahyul dan Irrasional, Dryobalanops aromatica.*

Abstract

This study investigates the evolution of Malay camphor hunting (Dryobalanops aromatica) and the factors that have shaped its practices from the pre-Islamic period to the present. It examines how knowledge, religious beliefs, and societal changes influenced camphor hunting methods. An exploratory research approach was used, combining document analysis and field studies. Secondary data included historical texts and bibliographic research, while primary data was collected through interviews with camphor plantation owners, cultural practitioners in Barus, and botany experts from the Forest Research Institute of Malaysia (FRIM). The research identifies key changes in camphor hunting practices across three periods: pre-Islamic, post-Islamic, and modern. In earlier times, the practice was led by shamans and spiritual healers who performed superstitious rituals, including sacrifices, to seek permission from forest spirits. However, with the spread of Islam, camphor hunting evolved. The Islamic approach emphasized tauhid (the oneness of God), replacing superstitious practices with prayers and salutations to Prophet Muhammad (PBUH). This shift marked a move away from rituals that involved blood sacrifices or idol worship. In modern times, the scientific approach to camphor hunting focuses on understanding the ecology, classification, and sustainable management of camphor trees, promoting practices that align with environmental conservation. This approach dismisses superstition, highlighting the importance of empirical knowledge. In conclusion, while camphor hunting remains rooted in tradition, the Islamic and scientific

approaches offer a more ethical, practical, and sustainable path. These changes reflect intellectual progress, aligning traditional practices with Islamic teachings and modern scientific understanding. The study also underscores that superstitions associated with camphor hunting are unfounded, further demonstrating the evolution of the practice towards a more rational and responsible approach.

Keywords: *Practices, camphor hunting, Islam and Malay Culture, Superstitions and irrational beliefs, Dryobalanops aromatica*

PENDAHULUAN

Pokok Kapur Melayu, juga dikenali sebagai *Malay camphor* atau dengan nama saintifiknya *Dryobalanops aromatica* (D. aromatica), merupakan sejenis tumbuhan balak berdamar yang bernilai tinggi dan tergolong dalam spesies tropika yang tumbuh secara semula jadi di beberapa lokasi terpilih di Sumatera, Semenanjung Malaysia, dan Borneo (Perret & Surachman, 2015). Selain menghasilkan damar berkualiti, pokok ini turut mengeluarkan minyak dan kristal yang memiliki aroma harum yang tersendiri, menjadikannya sangat dihargai sejak zaman lampau. Keistimewaan pokok kapur ini tidak hanya diiktiraf dalam konteks tradisional dan etnobotani, bahkan turut tercatat dalam teks-teks suci Islam. Nama "kapur" disebutkan dalam al-Quran dan al-Hadis dengan istilah *al-Kāfir*, yang menggambarkan kedudukannya sebagai bahan yang memiliki nilai spiritual dan simbolik dalam tradisi Islam.

إِنَّ الْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِنْ كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا

Sesungguhnya orang-orang yang berbuat kebajikan minum dari gelas (berisi minuman) yang campurannya adalah air Kafur (Al-Quran: Surah Al-Insan, ayat 5, 2024).

Daripada nama kapur terbitlah nama *kapur barus* sempena nama pelabuhan Barus di Sumatera Utara yang mahsyur dengan perdagangan kapur pada ketika dahulu. Barus juga telah diisytihar sebagai gerbang kemasukan Islam ke Nusantara pada abad ke-7 oleh Presiden Indonesia, Joko Widodo pada 24 Mac 2017 (Maulipaksi, 2017). Kapur barus kemudian dikenali di eropah dengan nama *kamfer* atau *camphora* yang berakar dari perkataan Melayu kapur. Evolusi nama ini turut dicatat oleh kamus Merriam-Webster, (n.d.), “*Middle English caumfre, from Anglo-French, from Medieval Latin camphora, from Arabic kāfūr, from Malay kapur.*”

Walaupun kapur barus terkenal dan mempunyai sejarah kegemilangan yang panjang, namun catatan dan gambaran para pedagang antarabangsa zaman silam mengenai pokok kapur bercampur aduk dan sangat mengelirukan. Menurut Ramli, Atoh, Mohd Zakaria, Mohammad Som, & Abd Rahman (2018, hlm. 267-281) “*merujuk kepada sifat saintifik kedua-dua pokok ini, pokok kapur barus adalah dalam spesis pokok palma yang tidak beracun manakala pokok oleander pula adalah dari spesis tumbuhan renik yang beracun.*” Menurut Ramli et al., (2018) lagi yang memetik al-Turkumaniy (2000), pokok kapur

mempunyai rasa pahit, berbatang kayu ringan dan lembut, berwarna putih dan boleh didapati di seluruh dunia, pokok kapur turut diklasifikasikan sebagai pokok besar yang boleh menaungi lebih daripada 100 ekor kuda. Ramli et al., (2018) turut memetik Ibn al-Wardiy (2002), menyatakan asal pokok kapur barus dari India, seterusnya memetik Salman Harun (1999) yang menyatakan asal pokok kapur barus adalah dari Pantai Barat Sumatera. Jika menurut ilmu perhutanan Melayu (JPSM, 2023) gambaran ‘palma’ itu tidak menggambarkan mana-mana kapur dari alam Melayu apatah lagi yang berada di Pantai Barat Sumatera.

Kesilapan itu boleh berlaku kerana pencatat silam tidak melihat pokoknya malahan tidak masuk ke hutan belantara memburu kapur, mereka hanya mendengar cerita atau berurusan dan membuat catatan di pelabuhan (Perret & Surachman, 2015). Malangnya catatan-catatan sejarah ini masih menjadi rujukan kepada para pengkaji pada abad ke-21 dan ia tidak sejajar dengan kebenaran. Kekeliruan ini merupakan satu masalah yang cuba diselesaikan dan satu *gap* yang perlu ditutup untuk kemudahan para pengkaji yang seterusnya agar menjadi foundasi kukuh sebagai rujukan terkini mengenai sifat pokok kapur barus yang asli beserta tatacara pemburuannya yang sebenar. Namun artikel tidak berniat untuk menyalahkan atau mengkritik kajian lampau, hanya bertujuan meluruskan dan membetulkan tafsiran agar tidak terus terpesong pada masa hadapan.

Kajian eksploratori yang memfokuskan tentang tatacara pemburuan kapur di Indonesia dan Malaysia seperti ini belum pernah dijalankan dan artikel ini akan menjadi yang pertama dalam menukulkan perkara tersebut dengan komprehensif.

TINJAUAN PUSTAKA

Nama kapur barus mahsyur dalam sejarah silam. Namun kajian mengenai kapur barus Melayu *D.aromatica* ini sangat langka, sukar didapati dan sesuai dengan status ‘spesis terancam’ yang dikeluarkan oleh International Conservation of Natural Resources (IUCN) 2020 terhadapnya. Ini juga berikutan daripada penetapan dan pengiktirafan industri, akademik dan sains terhadap istilah *camphor* dalam bahasa Inggeris yang diberikan kepada *Cinnamomum camphora* (*C.camphora*) yang berasal dari China, Taiwan dan Jepun (Robert, 1911) ketika Revolusi Industri pertama abad ke-19. Pertindihan nama ‘kapur’ itu mengakibatkan kapur barus Melayu *D.aromatica* tidak lagi dikenali sebagai *camphor* atau kapur tetapi dilabel sebagai *borneol*.

Perkara ini dibuktikan melalui kajian Analisis Bibliometrik Terhadap Bahan Penerbitan Berhubung Kapur Barus: Meneliti Potensi Penyelidikan Terbaru Md Ariffin, Ahmad, Mohd Yusoff, Awang, Othman, Abd Razzak, Raja Yusof, Fauzi, & Yakob (2015) yang dilakukan pada 2015, iaitu

setelah 104 tahun Revolusi Industri pertama. Satu perkara yang mesti ambil perhatian di sini ialah, jika pun terdapat usaha untuk memperbanyakkan bahan penerbitan mengenai kapur barus *D.aromatica* dalam masa 10 setelah kajian bibliometrik itu dihasilkan pada 2015, penambahan itu tidak akan merubah fakta dan kenyataan bahawa setelah 100 tahun revolusi industri pertama memang tidak banyak sumber bertulis mengenai kapur barus Melayu *D.aromatica*. Kapur Melayu telah dipandang sepi dan dikesampingkan dalam kajian saintifik dan ilmiah diperingkat antarabangsa - eropah dan asia, barat dan timur. Nama *camphor* yang turut diambil oleh kapur China *C.camphora* terus mengelirukan para pengkaji yang terkemudian.

Analisis mengenai kapur barus atau *camphor* dalam kajian bibliografi itu secara am menunjukkan, sebanyak 65.5% bahan penyelidikan telah dijumpakan, 26.2% berada dalam terbitan buku, 4.9% terkandung dalam bab buku, 1.6% tercatat dalam kertas kerja atau prosiding dan 1.6% terdapat dalam disertasi sarjana. Analisis ini tidak membezakan atau memfokuskan mana-mana *camphor* menyebabkan ia menjadi terlalu am (Md Ariffin et al., 2015). Fokus perbincangan saintifik terhadap kapur barus secara am juga meliputi bidang *Farmasilogi*, *Bio-Teknologi*, *Sains Botani*, *Bio- Perubatan* dan *Bio-Kimia*. Analisis saintifik yang paling banyak dilakukan pula adalah dari aspek *Bio-Kimia* (19.7%) dan *Sains Botani* (18.0%).

Daripada 61 bahan penerbitan, 43 jenis melibatkan penyelidikan dari aspek saintifik dan 15 penerbitan berkaitan sejarah, dibandingkan hanya tiga berasaskan pengajian Islam. Namun daripada 61 tersebut, satu bahan penerbitan kertas kerja dan prosiding perlu dikeluarkan kerana kapur yang dimaksudkan itu ialah kapur baja (NFK) dan bukan kapur barus seperti yang diperbincangkan dalam artikel ini. Maka keseluruhannya ialah sebanyak 60 penerbitan sahaja.

Daripada 60 bahan penerbitan tersebut, hanya enam penerbitan yang menggunakan kata kunci *D.aromatica* dan terdapat 12 penerbitan yang bercampur-aduk timbul hasil carian dengan kata kunci kapur barus, kapur dan *camphor*. Seterusnya dalam bidang kajian pula hanya satu penerbitan dalam bidang sejarah timbul dengan kata kunci *D.aromatica* dan tiga dalam bidang sains, dan terdapat 12 penerbitan yang bercampur-aduk timbul dengan carian kapur barus, kapur, *camphor*, dan *borneol* dalam bidang sejarah, pengajian Islam dan sains.


Menurut analisis itu juga, data-data sejarah mengenai kapur barus banyak didapati dari China, India dan Eropah kerana faktor kewujudan emporium *Barus Raya* sebagai pusat perdagangan komoditi kapur barus dunia pada suatu masa dahulu (Md Ariffin et al., 2015). Namun nama emporium Barus Raya itu tidak memberi makna jika produk yang dikaitkan itu merujuk kepada spesis kapur China. Kajian itu juga menunjukkan bahawa tiada tajuk khusus berkenaan taracara

pemburuan atau pengambilan kapur barus Melayu *D.aromatica* dan pengaruhnya dalam peradaban Melayu sebelum dan selepas Islam. Kajian itu turut mengakui dan menyimpulkan bahawa *D.aromatica* merupakan komoditi semulajadi alam Melayu yang belum habis diselidiki (Md Ariffin et al., 2015).

Tabel di bawah memperincikan carian daripada analisis tersebut:


Tabel 1: Hasil carian menggunakan kata kunci D.aromatica, kapur, kapur barus, *camphor* dan *borneol* menurut kajian bibliografi. (Md Ariffin et al., 2015)

No	Penerbitan / Bidang Kajian	Jumlah penerbitan	D.Aromatica	Kapur Barus / Camphor/ Borneol	Jumlah Sebutan
A	Bahan Penerbitan	-	-	-	-
	Disertasi Sarjana	1	-	-	0
	Kertas Kerja / Prosiding	-	-	-	0
	Buku	16	2	6	8
	Bab Dalam Buku	3	2	1	3
	Artikel Jurnal	40	2	5	7
	Jumlah sebutan kata kunci dalam penerbitan	60	6/60	12/60	18/60
B	Bidang Kajian				
	Sejarah	15	1	6 (kapur barus + camphor + borneol)	7
	Pengajian Islam	3	0	3 (2 kapur + 1 camphor)	3
	Sains	42			
	Bio-Teknologi	6	0	1 (kapur barus)	1
	Farmasilogi	6	1	2 (borneol)	3
	Sains Botani	10	0	0	0
	Bio-Perubatan	8	0	0	0
	Bio-Kimia	12	2	0	2
	Jumlah sebutan kata kunci / 60 penerbitan	60	4/60	12/60	16/60



Carta 1: Sebutan *D.aromatica* (rujuk kapur Melayu) Dalam Penerbitan / 60 Penerbitan (Md Ariffin et al., 2015)

Carta 1 di atas menunjukkan terdapat dua sebutan *D.aromatica* dalam buku, dua dalam bab dalam buku, dua dalam artikel jurnal berjumlah enam sebutan semuanya, manakala terdapat 12 sebutan semuanya untuk kapur barus, *camphor* dan *borneol* (yang merujuk *D.aromatica*) dalam penerbitan berkaitan.



Carta 2: Sebutan *D.aromatica* (rujuk kapur Melayu) Dalam Bidang Kajian / 60 Penerbitan (Md Ariffin et al., 2015)

Carta 2 di atas menunjukkan terdapat satu sebutan *D.aromatica* dalam bidang sejarah, satu sebutan dalam bidang farmasilogi dan dua sebutan dalam bidang bio-kimia, manakala terdapat 12 sebutan semuanya untuk kapur barus, *camphor* dan *borneol* (yang merujuk *D.aromatica*) dalam bidang-bidang yang berkaitan.

Masalah kekurangan kurang kajian mengenai kapur barus Melayu *D.aromatica* turut dibangkitkan oleh Md Ariffin (et al., 2015) dalam kajiannya:

Penyelidikan mengenai pokok dan sifat kapur barus spesis Asia Tenggara amat kurang dibandingkan dengan spesis Cinnamomum camphora. Kajian sains paling banyak berkisar mengenai pokok kapur barus jenis Cinnamomum camphora. Manakala kajian lain banyak memfokuskan sejarah wilayah Barus di Indonesia dan kegemilangan kapur barus sebagai komoditi perdagangan utama pada masa lampau sehingga meminggirkan perincian lebih lanjut mengenai spesies Dryobalanops Camphora Aromatica. Penelitian terhadap spesies kapur barus yang terdapat di Malaysia boleh dilakukan (Md Ariffin et al., 2015, hlm. 12–24.)

Hasil daripada tinjauan ini menunjukkan terdapat kekeliruan dalam penentuan spesis manakah yang dimaksudkan

sejarah kerana terdapat dua spesis kapur dipasaran yang menggunakan kata dasar kapur iaitu *camphor* iaitu :

1. Kapur China *C.camphora* –banyak dikaji, digunakan dalam produk-produk perubatan dan farmasilogi antarabangsa, dikaitkan dengan kegemilangan sejarah kapur barus dan bertukar identiti menjadi *camphor*.
2. Kapur Melayu *D.aromatica* - tumbuhan asli alam Melayu yang seakan-akan dipinggirkan dan ditukar identiti dan namanya kepada *borneol*.

Pertindihan ini telah menyebabkan kekeliruan dalam carian dokumen secara pustaka, secara atas talian seperti *wikipedia* (2024) dan yang terkini dengan kecerdasan buatan (AI) *ChatGPT* dan telah menyukarkan kajian sehingga terdapat beberapa kajian terkini terseleweng apabila menggunakan sejarah kegemilangan kapur Melayu *D.aromatica* sebagai naratif asas sejarah yang menceritakan kapur China *C.camphora* dalam kesimpulan tesis tanpa melihat asal-usulnya.

Oleh itu untuk menutup jurang dan lompang pemahaman dan keclaruan sejarah yang telah berlaku, kesedaran mengenai perbezaan kapur barus Melayu *D.aromatica* dan kapur China *C.camphora* itu mesti dijelaskan dan diselesaikan terlebih dahulu. Usaha ini secara langsung akan menambahkan bahan kajian dan dokumentasi mengenai kapur barus Melayu seterusnya menyelesaikan masalah

kekeliruan dan tatacara pemburuan kapur barus yang sebenar mengikut peredaran zaman.

Melalui bacaan dan analisis literatur, berikut ialah permasalahan-permasalahan yang telah dikenal pasti yang akan dijawab melalui artikel ini:

1. Kurang kajian mengenai perbezaan kapur Melayu dan kapur China
2. Kurang dokumentasi mengenai taracara pemburuan kapur barus Melayu *D.aromatica* di alam Melayu - Malaysia dan Indonesia sebelum dan sesudah Islam

Berdasarkan permasalahan kajian diharap usaha ini dapat menjawab beberapa persoalan berikut secara tuntas:

1. Apakah perbezaan kapur Melayu dan kapur China?
2. Bagaimanakah caranya pemburuan kapur barus Melayu menurut taracara masyarakat Melayu di Nusantara sebelum dan sesudah Islam?

METODE PENELITIAN

Metode penilitian menggunakan kaedah kualitatif eksploratori gabungan seperti berikut:

1. Kajian bibliografi (data sekunder) - Peringkat pertama kajian ini melibatkan analisis dokumen dan analisis teks sejarah berdasarkan kajian bibliografi kajian terdahulu yang digunakan untuk meneliti rekod sejarah, teks agama, dan penulisan akademik. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kekerapan penerbitan, bidang penerbitan dan spesis kapur yang selalu mendapat tempat dalam kajian akademik, jurnal mahupun buku-buku di peringkat Asia Tenggara dan antarabangsa.
2. Kajian lapangan (data primer) - Pendekatan kajian lapangan digunakan untuk mengumpulkan data dunia sebenar melalui pemerhatian langsung terhadap tatacara pemburuan kapur barus dalam komuniti tempatan di Asia Tenggara, terutamanya di Indonesia dan Malaysia. Ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang tatacara pemburuan kapur dilakukan pada zaman ini.
3. Temubual informan (data primer) - Dijalankan dengan pengusaha ladang kapur warisan keluarga, aktivis budaya dan sejarah yang berpengalaman dengan hal-hal berkaitan kapur di Barus, Indonesia dan pakar botani dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan juga Jabatan Perhutanan Malaysia di Selangor, Malaysia. Temu bual ini bertujuan untuk mendapat pandangan mengenai pemahaman semasa tentang kapur barus dan peranannya dari sudut perladangan, budaya, agama, kegunaan dalam masyarakat, aspek perhutanan


dan saintifik terutamanya dalam konteks kemodenan zaman ini.

Pengumpulan Data dan Pemilihan Subjek

Data dikumpulkan dengan memilih dokumen yang sesuai dengan keperluan penelitian. Data dianalisis berdasarkan kata kunci dan soalan-soalan yang langsung berkaitan dengan tatacara pemburuan kapur. Data-data sekunder dan primer yang dianalisis bertujuan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Membezakan kapur Melayu dan kapur China
2. Menyenaraikan tatacara pemburuan kapur Melayu mengikut zaman, pra-Islam, Islam dan moden.

Proses pemilihan subjek ini menggunakan kriteria utama iaitu pokok mestilah tumbuhan semulajadi alam Melayu untuk menapis dan memberi fokus kepada kapur Melayu tanpa mendatangkan kekeliruan mengenai jenis kapur yang dikaji. Spesis pokok yang dikaji spesis *D.aromatica* turut disahkan dengan kajian lapangan di ladang kapur di Sirandurung, Barus, Sumatera Utara, Indonesia dan juga di tapak demonstrasi tanaman kapur Jabatan Perhutanan Selangor, Malaysia. Carta alir proses adalah seperti berikut:




Gambarajah 1: Proses pemilihan kapur *D.aromatica*.



Gambarajah 2: Petak kapur *D.aromatica*, Sg. Buloh, Malaysia (Abdullah, 28 Jun 2023).

Kajian ini turut melihat peta taburan kedua-dua spesis kapur untuk menutup ruang bagi sebarang kekeliruan, kesilapan atau keraguan mengenai spesis kapur yang hendak dikaji.



Peta 1: Taburan *D.aromatica* di benua Asia
(Donkin, 1999, hlm.52)

DOCUMENTED SPECIES DISTRIBUTION

Native: China, India, Japan, Sri Lanka, Taiwan, Province of China
Exotic: Cuba, Dominican Republic, Ghana, Haiti, Nepal, Puerto Rico, Vietnam



Peta 2: Taburan *C.camphora* di benua Asia.
(Orwa et al., 2009, hlm. 1-5)

Peta taburan kedua-dua spesis jelas menunjukkan perbezaan habitat dan kawasan semulajadi di antara *D.aromatica* dan *C.camphora*.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Tabel 2 dalam bahagian ini memperincikan perbezaan kapur Melayu dan kapur China dan seterusnya membentangkan maklumat mengenai tatacara pemburuan kapur barus menurut fasa-fasa yang telah dibicarakan sebelum ini dalam tabel 3.

1. Hasil

Perbezaan Kapur Melayu dan Kapur China

Tabel yang berikut memperincikan perbezaan di antara kapur Melayu dan kapur China.

Tabel 2: Perbezaan kapur Melayu dan kapur China

No	Taksonomi	Kapur Melayu (kapur barus)	Kapur China
1.	Asal usul	Alam Melayu, Sumatera, Semenanjung Malaysia, Borneo	Wilayah China, Jepun, Taiwan
2.	Nama Asal	Kapur	Xiangzhang
3.	Nama Saintifik	<i>Dryobalanops aromatica</i>	<i>Cinnamomum camphora</i>
4.	Famili	Dipterocarpaceae	Lauraceae
5.	Ciri-ciri tumbuhan	Balak Berdamar	Medang Tiada Damar
6.	Formula kimia	Dextro-Borneol $C_{10}H_{18}O_2$	Dextro-Camphor $C_{10}H_{16}O_2$
7.	Tahap Kemudaranan	Tidak merbahaya namun boleh terbakar kerana sifat minyaknya yang murni tidak bercampur air.	Toksik, mudah terbakar, merengsakan, tidak boleh dimakan, dan memudaratkan kesihatan, boleh menyebabkan kematian terutama kanak-kanak.
8.	Tahun dikenali	Anggaran 2000 sebelum Masihi	Digunakan secara meluas di Taiwan sewaktu penjajahan Jepun 1895–1945 diperkenal di Australia 1822 dan di Amerika 1875.
9.	Komersial	Kayu, minyak, damar dan kristal	Kayu dan minyak dari kulit
10.	Status terkini IUCN	Terancam	Pengancam
11.	Habitat tumbuhan	Tumbuh secara berkelompok di hutan kapur di lereng bukit yang tidak bertakung air dan mempamerkan <i>fenomena 'crown shyness'</i> di mana mahkota pokok tidak bertindih atau bersentuhan antara satu sama lain.	Tumbuhan rumpai yang invasif di kawasan yang diabaikan berhampiran kediaman, di tepi jalan, di sepanjang tepi jalan, di kawasan belukar asli, hutan hujan, hutan terbuka lembap, padang rumput, dan terutamanya di sepanjang laluan air (iaitu di tebing sungai)
12.	Bahagian yang digunakan untuk sebarang tujuan	Semua kecuali akarnya / tunggulnya yang belum diteroka	Minyak diekstrak dengan wap daripada kulit kayu. Kayu dibuat perabut.
13.	Amalan tradisi dan kegunaan	Pengawetan mayat, pemandian jenazah, ubat-ubatan, pertukangan, perkayuan, varnis, pewangi, penghalau serangga dan pelbagai kegunaan dalaman dan luaran	Krim, minyak, losyen, bukaan kapur barus kegunaan luaran

Tabel 3 berikut memaparkan hasil kajian tatacara pemburuan kapur barus berdasarkan teks sejarah dari Malaysia dan Indonesia dan juga melalui hasil kajian terkini di lapangan dan temubual dengan informan.

Tabel 3: Perbandingan Tatacara dan Evolusi Pemburuan Kapur Barus dan Kegunaannya dari zaman pra-Islam sehingga kini.

Aspek	Negara	Zaman Jahiliah (sebelum masihi, pra dan peralihan Islam abad ke 7-15)	Kaedah Islamik (pasca Islam, abad ke 15- 19)	Moden (abad ke 20 - 21)
Kepercayaan Mistikal	Malaysia	Semangat kapur, penunggu kapur, hantu, jembalang hutan	Metafora dalam syair tasawuf Hamzah Fansuri	Tiada unsur mistik
	Indonesia	Legenda roh ‘Nan Tar’ dari alam ghaib, roh jahat Begu Semboan	Metafora dalam syair tasawuf Hamzah Fansuri	Tiada unsur mistik
Amalan Ritual	Malaysia	Memberi makan hantu, bisan, ancak dan semahan, berpantang kapur dan berbahasa kapur	Tiada ritual, mengikuti ajaran Islam yang sah dan pengalaman dan pemerhatian	Berpandu pengalaman, pemerhatian dan fakta saintifik.
	Indonesia	Upacara korban manusi, binatang seperti gajah untuk hasil lumayan, menggunakan serangga untuk menunjuk pokok kapur, berkhayal dengan candu, mimpi wanita sebagai penunjuk kapur	Tiada ritual, mengikuti ajaran Islam yang sah dan pengalaman dan pemerhatian	Berpandu pengalaman, pemerhatian dan fakta saintifik.
Penggunaan Sumber Alam	Malaysia	Penggunaan tanpa had (tiada istilah kelestarian dan kerana sumber yang banyak, utama dan mewah untuk rakyat tempatan)	Kegunaan tradisi tempatan. Penebangan balak tanpa had. oleh kolonial British abad ke 19	Spesis kawalan.
	Indonesia	Penggunaan tanpa had (tiada istilah kelestarian dan kerana sumber yang banyak, utama dan mewah untuk rakyat tempatan)	Kegunaan tradisi tempatan. Penebangan balak tanpa had dan monopoli komoditi oleh kolonial Belanda abad ke 17	Spesis kawalan.
Tujuan	Malaysia	Perubatan tradisional, pengawetan mayat, pewangi, bahan api, pertukangan, pelekat pelekat kedap air, (perahu, kapal), makanan, minuman,	Sunnah Nabi SAW, pewangi kemenyan, perubatan tradisional, bahan api, pertukangan, pelekat kedap air, makanan dan minuman.	Perubatan tradisional, bahan pertukangan mewah.
	Indonesia	Perubatan tradisional, pengawetan mayat, pewangi, bahan api, pertukangan, pelekat (perahu, kapal), makanan, minuman,	Sunnah Nabi SAW, pewangi kemenyan, perubatan tradisional, bahan api, pertukangan, pelekat kedap air, makanan dan minuman.	Perubatan tradisional, bahan pertukangan mewah.
Bahagian kapur yang diburu	Malaysia	Kayu, damar, minyak, kristal	Kayu, damar, minyak, kristal. Balak sumber ekonomi kolonial British abad ke 19	Sumber terpelihara
	Indonesia	Kayu, damar, minyak, kristal	Kayu, damar, minyak, kristal. Balak sumber ekonomi kolonial Belanda abad ke 17	Sumber terpelihara
Status Pokok	Malaysia	Mewah	Mewah	Terancam
	Indonesia	Mewah	Mewah	Terancam
Kaedah pengambilan	Malaysia	Ditakik untuk damar, ditebang untuk minyak, kristal dan kayu	Ditakik untuk damar, ditebang untuk minyak, kristal dan kayu	Ditakik untuk damar, ditebang untuk minyak, kristal dan kayu (masih cara tradisional)
	Indonesia	Ditakik untuk damar, ditebang untuk minyak, kristal dan kayu	Ditakik untuk damar, ditebang untuk minyak, kristal dan kayu	Ditakik untuk damar, ditebang untuk minyak, kristal dan kayu (masih cara tradisional)

Tabel di atas menunjukkan bahawa tatacara pemburuan di antara kedua-dua negara pada zaman jahiliah bergantung kepada pantang larang dan upacara semahan atau korban untuk mendapatkan kapur yang berpunca kepada semangat atau roh yang menghuni pokok kapur tersebut. Namun, dapat dipastikan bahawa penggunaan kapur secara tradisional boleh dianggap sama di antara kedua-dua buah negara begitu juga cara pengambilannya yang mana pokok kapur perlu ditakik untuk damarnya dan terpaksa ditebang untuk mendapatkan minyak dan kristal yang sangat bernilai tinggi yang terletak di bahagian tengah batangnya.

Manakala kaedah Islam dan moden masih lagi tidak berubah dan tetap menggunakan kaedah tradisional zaman berzaman, cuma di Malaysia terdapat kaedah baharu iaitu melubangkan batang kapur bagi mendapatkan minyaknya namun teknik itu tidak akan dapat mengeluarkan kristal ditengah batang kapur melainkan dengan cara menebang pokoknya. Apa yang berubah ialah sudah tidak ada lagi kepercayaan karut dan mistik atau ritual-ritual pelik yang diamalkan oleh pemburu kapur setelah mereka menerima Islam dan seterusnya amalan itu terus tidak diamalkan sama sekali pada zaman moden ini.

Ritual korban manusia di Indonesia ditiadakan setelah kedatangan Belanda, sungguhpun begitu pengamalan adat dan ritual lama itu bergantung kepada pemburu kapur itu sendiri

samada bukan Islam, masih samar-samar dalam menurut ajaran Islam atau telah beriman sepenuhnya ini kerana untuk memastikan seratus peratus perubahan amalan seseorang individu yang tinggal di dalam hutan tanpa pemantauan rapi dan undang-undang bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilakukan.

Hasil dari temubual dengan pakar botani Siti Eryani Suterisno (temubual informan, 2024) menyatakan bahawa penebangan pokok spesies terancam secara besar-besaran untuk kayunya boleh dianggap satu kesalahan ini termasuklah pokok kapur. Pakar botani itu juga menyatakan buat masa ini belum ada industri berasaskan kapur secara besar-besaran di Malaysia kerana kesukaran mendapatkan sumbernya yang hampir pupus. Oleh itu jika ada pihak yang hendak mengusahakan industri kapur ini memerlukan pelan jangka panjang yang melibatkan, pengusaha kapur, para agronomi, pelabur dan semua pihak untuk memastikan rantaian bekalan terpelihara dan mampan, tiada penebangan hutan berleluasa dan sentiasa mengikut piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan.

2. Pembahasan

Pengertian Amalan Tahyul dan Khurafat

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2024), khurafat bermaksud kepercayaan karut, dongeng dan tahayul. Khurafat merangkumi semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Khurafat juga bererti cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut dan dusta. Kepercayaan dan perbuatan karut yang dianggap mempunyai hubungan dengan Islam sedangkan pada hakikatnya bertentangan dengan konsep tauhid dan syariat termasuk dalam amalan khurafat. Mana-mana orang Islam yang terlibat dengan syirik atau khurafat seperti menggunakan azimat, tangkal atau mengamalkan jampi serapah yang bertentangan dengan akidah, syariat dan akhlak Islam wajib segera bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah swt (Rahman, Syed Omar, Khalid, Ahmad, Subri, Mohd Ghazali & Zainuddin, 2017, hlm. 34)

Ciri-ciri khurafat menurut agama Islam ialah seperti berikut:

- Tidak berlandaskan nas-nas al-Quran atau Sunnah
- Cerita-cerita rekaan, dongeng, khayalan atau karut
- Bersumberkan kepercayaan lama dan bercanggah dengan Islam
- Menggunakan objek-objek seperti kubur, pokok dan sebagainya untuk tujuan tertentu

- Mempunyai unsur-unsur negatif dari segi akidah dan syariat
- Berbentuk pemujaan dan permohonan kepada makhluk halus.

Syiar Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w telah menyucikan fahaman jahiliah umat manusia khasnya bangsa Arab dan tidak terkecuali umat Melayu dengan memberi faham tauhid yang sebenarnya seperti surah berikut (dengan maksud):

Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya. (16:36) Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu. (2024).

Para ulama dan pendakwah terdahulu telah berusaha dengan sekuasa-kuasa mereka untuk membetulkan fahaman jahiliah Melayu itu dengan kaedah atau tatacara tertentu yang kemudiannya dikemaskini dengan silibus pengajian fardhu ain yang lebih tersusun untuk membina akidah agar mengenal hukum akal, hukum adat dan hukum syarak, serta sifat-sifat

ketuhanan, kerasulan dan perkara sam'iyat dengan ilmu Usuluddin atau lebih dikenali ilmu Sifat 20 secara amnya oleh orang Melayu. Menurut Yahya & Yusuf (2022, hlm. 30-31), *“Adalah membuang ancak dan memberi makan hantu syaitan itu satu daripada adat kepercayaan orang yang menyembah berhala kerana mereka beriktikad bahawa hantu syaitan itu berkuasa menyebabkan sakit atau sampuk dan sebagainya, maka mereka mengadakan ancak, mengadakan jamuan, simah tukar ganti, temiku dan perkara yang seumpamanya itu telah melakukan perbuatan orang musyrikin – kepercayaan menyekutukan Allah dengan makhlukNya.”*

Kepercayaan tahyul dan khurafat itu beransur-ansur hilang dari budaya Melayu setelah mereka faham dan mengetahui dengan akal bahawa yang sebenar berkuasa itu ialah Allah taala, bukan jin, malaikat, hantu atau segala makhluk yang lain. Seumpama malaikat yang diberi tugas menjaga manusia, syurga, neraka, pintu langit dan pelbagai lagi, tetapi ‘penjaga’ itu bukan bermaksud ia berkuasa memberi bekas. Yang berkuasa memberi bekas itu tetaplah Allah Yang Maha Berkuasa. Maka tetaplah yang tunggal Qudrat dan Iradat Allah taala yang tidak berbilang-bilang sifatnya, nescaya jika berbilang-bilang atau ada yang lain yang mempunyai kuasa maka jatuhlah fahaman itu menjadi syirik kerana menafikan sifat Wahdaniah Allah taala yang berdiri pada ZatNya (Yahya & Yusuf, 2022, hlm. 30-31).

Oleh itu setelah mempunyai kefahaman tauhid iaitu tiada yang berkuasa yang boleh mendatangkan mudarat dan manfaat selain Allah maka orang Melayu menukar amalan dan adat lama kepada ibadat dengan membaca Bismillah dan berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w memberi salam kepada Nabi Alias a.s dan Nabi Nuh a.s sebelum melakukan pekerjaan yang melibatkan sesuatu dalam bidang perhutanan dan perubatan sebagai ganti kepada amalan yang dahulunya menyeru jin, mambang dan sebagainya.

Ini kerana menurut Skeat (1900, hlm. 206) menyatakan bahawa menurut tradisi Melayu [Islam], “*Semua pokok, menurut tradisi Melayu, ‘ditanam oleh Nabi Elias,’ dan berada di bawah penjagaan ‘Nabi Nuh.’ Pada zaman Nabi Sulaiman, pokok-pokok boleh bercakap seperti burung dan haiwan, dan beberapa pokok yang ada di hutan sekarang sebenarnya adalah manusia yang berubah bentuk.*” Keilmuan mengenai nabi-nabi ini tidak wujud sewaktu zaman jahiliah hanya datang bersama-sama keilmuan Islam.

Kegunaan Kapur Barus Pra Islam dan Kini

Setiap kapur barus itu berasal dari pohon kapur namun bukan semua pohon kapur itu berasal dari Barus, Sumatera, Indonesia untuk digelar kapur barus. Di Malaysia kapur barus dikenali dengan nama kapur sahaja (Hashim, 2024). Namun telah menjadi kebiasaan ‘kapur’ digelar kapur barus untuk membezakannya dengan kapur sirih. Pokok kapur tidak beracun. Ia mempunyai pelbagai kegunaan dalaman dan luaran termasuklah dalam bidang perubatan, makanan dan minuman, pertukangan dan pewangi. Orang Asli menggunakan kulit pokok kapur yang mengelupas seperti gulungan kertas untuk membuat dinding rumah dan anyaman bakul Chew (2012).

Kajian saintifik mengenai keserbagunaan kapur telah dinyatakan dalam kajian (Kamariyah, Ozek, Demirci, & Baser, 2012, hlm. 105–114) menyatakan bahawa kapur Melayu tidak beracun dan sesuai untuk pelbagai kegunaan, menurutnya, *“the study concluded that D. aromatica was a good source of aromatic oil which contained important chemical components well-known in the flavour, fragrance, food, cosmetics and pharmaceutical industries.”*

Menurut Abdullah Zakaria Ghazali (temubual informan, 17 Februari 2024) pula, kapur barus harganya mahal, bersifat premium dan hanya digunakan dalam kuantiti yang sedikit oleh golongan bangsawan. Masyarakat Batak menggunakannya

sebagai pengawet mayat Raja Batak di Barus Kamariah et al. (2024, hlm. 105-114), *“The body of a Batak Raja may be preserved in camphor until it is auspicious to bury it”* dan digunakan dalam pengurusan jenazah pembesar Melayu Melaka pada abad ke-16 (Perret & Surachman, 2015).

Kapur turut digunakan untuk mengawet mayat para pembesar Mesir termasuklah Firaun pada zaman Nabi Musa a.s (Muchsin, 2017) dan menurut Muchsin (2017) kapur barus telah dicari oleh para pedagang Arab dan Timur Tengah dan China sebelum kelahiran Nabi Muhammad s.a.w pada abad ke-6 yang membuktikan penggunaan kapur barus ini telah lama sejak 2000 tahun sebelum masihi dan jalinan perdagangan laut antarabangsa dan dunia Melayu telah terbentuk dan terjalin sejak beribu tahun lamanya.

Seterusnya peranan kapur barus dalam Islam telah diperkukuhkan dengan hadis Rasulullah s.a.w yang meminta agar jenazah puterinya Zainab r.a. yang wafat pada Jun 629 M disiram dengan air campuran kapur barus sebagai siraman terakhir seterusnya menjadi contoh kepada kaedah pemandian jenazah umat Islam dengan tatacara yang lengkap dan sempurna (Hamidy, Fachruddin, Thaha, Arifin & Zainuddin, 1990).

Kapur dan Barus turut menjadi metafora dalam syair tasawuf Melayu Hamzah Fansuri pada abad ke 16 M (Abdul Hadi, 2016, 25 September) sebagai medium untuk menceritakan

rasa dan pengalaman kerohaniannya sebagai ahli sufi dalam dakwahnya kepada masyarakat setempat sehingga mencetus satu kaedah baharu dalam bahasa persuratan Melayu di Nusantara:

Hamzah Syahr Nawi terlalu hapus

Seperti kayu sekalian hangus

Asalnya laut tiada berarus

Menjadi kapur di dalam Barus

Dalam rangkap ini Hamzah Fansuri mengibaratkan jasadnya sebagai batang kayu yang menerima hangus sesuai dengan sifatnya yang baharu lagi binasa (fana) sedangkan kapur terdapat di dalam kayu kapur melambangkan diri rohani, hakikat yang tersembunyi di dalam tubuh (Abdul Hadi, 2016). Jelas simbolik kapur itu merupakan roh bagi sebatang kayu dalam pandangan sufi dan tentunya ia melambangkan tingkat atau martabat sesuatu yang suci bersih yang harus diketemu dan dikenali oleh setiap ahli sufi diakhir perjalanan mereka, yang juga bermaksud mengenal diri sendiri (Abdul Hadi, 2016).

Perbezaan Kapur Barus Melayu dan Kapur China

Perbezaan kapur Melayu *D.aromatica* dan kapur China *C.camphora* amat ketara dan perbezaan ini perlu diketahui sebelum mendalami tatacara pemburuan kapur Melayu. Kapur China tidak pernah dijadikan ibarat dalam mana-mana karya Melayu apatah lagi dalam karya berunsur kesufian. Dalam

industri kimia dan kamus-kamus saintifik antarabangsa kapur Melayu dilabel sebagai *Dextro-Borneol* $C_{10}H_{18}O_2$ manakala kapur China atau *xiangzhang* 樟 - sebutan asal dalam bahasa Mandarin (Curtis,1999), dilabel sebagai *Dextro-Camphor* $C_{10}H_{16}O_2$. (National Center for Biotechnology Information-NCBI, 2024). Kapur China berada dalam keluarga *lauracea* atau medang banyak tersebar di bahagian selatan sungai Yangzi di China termasuklah di pulau Hainan dengan taburan padat di Taiwan diikuti oleh Jiangxi dan Fujian (Curtis, 1999).

Kapur China sangat berbeza dengan kapur Melayu dari segi habitat (JPSM, 2023), tahap keracunan (Emery & Corban,1999) impak terhadap alam sekitar (WOA - Weeds of Australia, 2024) dan juga ‘produk-terakhir’ yang dihasilkan seperti yang dinyatakan oleh Burkill (1935, hlm. 867), “*the oleo-resin [Dryobalanops aromatica] differs entirely from the camphor oil of Cinnamomum camphora, and it is rather a pity that it should have been named Borneo camphor oil, as the name is confusing*”. Ini kerana *D.aromatica* menghasilkan minyak dari dalam batangnya, manakala *C.camphora* melalui penguawapan kulitnya. Dan sepatunya dikenali sebagai minyak kapur borneo bukan *borneol* iaitu dengan mengekalkan nama *camphor* bukan menghilangkannya.

Pokok kapur Melayu pula tergolong dalam keluarga *Dipterocarpaceae* (Meranti), hanya tumbuh di Semenanjung

Malaysia, Sumatera dan di kepulauan Borneo. Dikategorikan sebagai spesies yang terancam oleh International Conservation of Natural Resources (IUCN, 2018). Kapur Melayu digelar dengan pelbagai nama dalam bahasa Inggeris antaranya ialah *Indonesian Kapur*, *Malay Camphor* atau *Camphor tree*. Saiznya dapat mencapai 60 m tinggi serta mempunyai keunikan kanopi besar ‘susun atur di langit’ yang tidak bertindan di antara satu sama lain (Chew, 2012)

Tatacara Mendapatkan kapur China *C.camphora*

C.camphora ialah spesies *weeds* (WOA - Weeds of Australia, 2024), boleh hidup di mana-mana sahaja dan kaedah untuk mendapatkan minyak kapur China ini lebih mudah dan murah berbanding kapur Melayu. Para pengusaha kapur China tidak perlu ke hutan belantara dan meneka pokok yang mempunyai hasil kerana setiap kulit pokok kapur China berupaya mengeluarkan kristal jika dipaksa dengan cara penguwapan. Menurut kamus Britanicca (Editors of Encyclopaedia Britannica, 2024, Februari 29), *camphor* dikeluarkan atau diekstrak dari pokok *Cinnamomum camphora* dengan cara menguwapkan potongan-potongan dan pecahan kayunya melepasi stim sehingga memeluwap wap; kemudian minyak daripada kayu keluar menjadi kristal, kemudian disuling dan disucikan dengan tekanan. Cara ini berasaskan eksperimen sains dan tidak melibatkan sebarang upacara atau ritual khurafat.




FIG. 32.—A JAPANESE CAMPHOR-STILL

Gambarajah 3: Proses meruwap untuk mendapatkan kapur China (Duncan, 1911)

Tatacara Pemburuan Kapur Melayu Menurut Kepercayaan Khurafat Jahiliah

Habitat kapur Melayu terletak jauh di belantara menyebabkan pemburuan kapur hanya dilakukan oleh pakar-pakar yang terdiri kaum aslian purbakala yang arif yang digelar penghulu, pawang, dukun atau bomoh. Pada zaman jahiliah atau dengan kefahaman jahiliah (bermaksud zaman sebelum kedatangan Islam atau pun sebelum pemburu kapur memeluk agama Islam walaupun Islam sudah tiba), masyarakat di beberapa kawasan Asia Tenggara, terutamanya di sekitar wilayah Sumatera dan Semenanjung Malaysia, mempercayai bahawa semua pokok mempunyai semangat atau roh, menurut

Skeat (1900, hlm. 194), “*whether Malay magicians would maintain that all trees had souls (sěmangat) or not. All that we can be certain of at present is that a good many trees are certainly supposed by them to have souls, such, for instance, as the Durian, the Cocoa-nut palm, and the trees which produce Eagle-wood (gharu), Gutta Percha, Camphor, and a good many others.*”

Kepercayaan ini menyebabkan tugas pemburuan kapur hanya dilakukan oleh mereka yang memiliki dan mewarisi keilmuan rahsia dan khas dengan pantang-larang, bahasa dan ritual-ritual tertentu sehingga adakalanya memerlukan korban manusia demi memenuhi tuntutan dan hormat kepada *kuasa ghaib* dari dimensi lain seperti *roh* (Skeat,1900) mahu pun *semangat* yang dianggap sebagai penjaga kapur. Menurut kepercayaan majoriti Melayu nusantara kuasa-kuasa ini dinamakan hantu, penunggu, makhluk halus, jin, mahu pun orang bunian menurut Skeat (1900, hlm.105) “*The Hantu Rimba (Deep-forest Demon), Hantu Raya (Great” Demon), Hantu Dėnei (Demon of Wild-beast-tracks), the Hantu-hantuan (Echo-spirits), and I think the Hantu Bakal, are all spirits of the jungle, but are perhaps somewhat less localised than the large class of spirits (such as the Malacca-cane, gharu, gutta, and camphor-tree spirits) which are specially associated with particular trees.*”

Kepercayaan ini juga menganggap pokok-pokok yang berpenunggu itulah selalunya memberikan hasil yang lumayan dan mempunyai kelebihan khasnya pokok kapur. Menurut Abdullah Zakaria Ghazali (temubual informan, 2024 Februari 17), orang Melayu secara tradisinya mempercayai pokok-pokok herba yang mempunyai nilai perubatan yang tinggi selalunya mempunyai ‘penjaga’ atau khadam, semakin tinggi nilai semakin mujarab dan hebat juga khadamnya. Berikut ialah beberapa tatacara pemburuan kapur kaum-kaum aslian jahiliah di alam Melayu yang telah dikumpulkan melalui teks sejarah bagi memperlihatkan beberapa ritual atau amalan khurafat yang bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Kapur Menurut Kepercayaan Kaum Batak, Sumatera

Kapur barus ‘diburu’ bukan ‘dicari’ kerana menurut kepercayaan tempatan ianya hidup dan boleh berpindah randah dari satu pokok ke satu pokok. Kisah lisan mengenai legenda kapur yang berpindah randah ini telah dicatat J. de Ligny, seorang Belanda pada tahun 1924 daripada Bona Hayu (seorang pemburu kapur) Pa Tombok di Pardomuan, Barus (Nurfaezal, 2021, hlm. 60–74)

Menurut kisahnya, pada zaman dahulu terdapat seorang wanita yang cantik bernama Nan Tar Tar Nan Tor Tor (Nan Tar) yang berasal dari dunia lain (mungkin puteri bunian) satu hal yang mirip kepercayaan suku Temiar di Semenanjung

Malaysia) yang menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (2022), suku Temiar tidak akan membuat penempatan di kawasan air terjun kerana takut ada puteri sungai (bunian) yang akan mengganggu.

Pada suatu hari Nan Tar diminta mengahwini Si Pagedag Si Pagedog (Si Pagedag) dengan syarat Si Pagedag tidak menyuruh Nan Tar untuk menari. Mereka hidup bahagia sehinggalah Nan Tar melahirkan seorang anak lelaki. Pada suatu hari dalam keadaan mabuk Si Pagedag telah membawa seorang lelaki bernama Si Sopo ke rumah. Si Popo yang mabuk menyuruh pula Nan Tar untuk menari. Nan Tar yang ketakutan terus menjerit dan melarikan diri. Nasib malang menimpa Nan Tar apabila dia ditangkap oleh kuasa jahat bernama Begu Sombaun yang suka kepada orang muda. Nan Tar kemudian berubah keadaan menjadi Simangot (semangat) lalu memasuki hutan Langkukung dan menjadi kapur. Oleh kerana terlalu halus dan mudah untuk dimusnahkan Simangot Nan Tar kemudian berpindah ke pokok Johar, oleh kerana tidak selesa berada di pohon Johar, Simangot Nan Tar berpindah pula ke pohon Suya iaitu pokok kapur. Inilah asalnya semangat kapur yang berpindah-pindah.

Setelah menyedari kehilangan isterinya, Si Pagedag mula mencari Nan Tar ke serata tempat sehinggalah beliau mendapat mimpi bahawa isterinya berada di pohon Suya atau pokok kapur. Kemudian beliau masuk ke hutan mencari

isterinya dengan berteriak “Pagedag Pagedog” di dalam hutan. Namun Si Pagedag tidak pernah menjumpai isterinya sehinggalah ke akhir hayat, dan menurut cerita tempatan Si Pagedag tidak pernah berputus asa mencari isterinya walaupun di alam roh. Pemburu kapur iaitu Bona Hayu berkata adakala mereka mendengar suara “pagedag pagedog” di dalam pokok kapur itu bermakna pokok itu tiada kapur kerana Simangot Nan Tar (kapur) yang merajuk akan melarikan diri jika Si Pagedag menghampirinya.

Oleh itu Bona Hayu tidak akan meletakkan kayu di bawah pokok kapur kerana mereka tahu Simangot Nan Tar akan melarikan diri dari pokok itu. Setelah peristiwa itu telah menjadi satu kemestian atau adat yang dipatuhi orang Batak yang memburu kapur dan juga penari wanita Dairi menyelitkan daun dirambut di anak-anak mereka untuk menghindari dari diculik oleh semangat jahat Begeo Sombaun yang telah menculik Nan Tar (Nurfaezal, 2021, hlm. 60-74).

Tatacara dan Ritual Pemburu Kapur Bona Hayu

Para pengguna kapur iaitu para bangsawan bermula dari raja, pembesar, penghulu dan penjual hasil hutan tidak masuk ke hutan, mereka menggunakan khidmat pemburu kapur iaitu Bona Hayu untuk mendapatkannya. Atas permintaan itu Bona Hayu akan memulakan ritual untuk mengenal pasti lokasi pokok yang mempunyai kapur seperti berikut (Nurfaezal, 2021, hlm,

60-74):

1. Masuk ke hutan dengan kelengkapan
2. Membina pondok (jambar kuburan) berhampiran pokok kapur
3. Pondok itu mempunyai dua pintu untuk dirinya dan pembantunya
4. Bona Hayu akan duduk dalam pondok berhampiran pokok kapur tersebut
5. Jika pokok itu berbunyi “pagedag pagedog” maka Bona Hayu akan meninggalkan pokok tersebut dan mencari pokok lain
6. Bona Hayu akan memulakan pencarian kapur sewaktu pagi
7. Bona Hayu akan meletakkan daun pandayangan yang menghadap ke dirinya dan pokok kapur
8. Di atas daun itu ada campuran sirih
9. Bona Hayu akan duduk berhampiran pokok kapur dengan daun sirih tersebut sambil menantikan meruten (serangga kecil) keluar dari sirih tersebut. Dan serangga inilah yang menjadi petunjuk kepada kehadiran kapur tersebut.
10. Warna serangga itu menjadi petunjuk untuk binatang yang akan dikorbankan, jika putih maka binatang korban juga bewarna putih.
11. Setiap sirih juga disusun secara teratur dan sirih yang dimakan oleh serangga (ngangat) akan menjadi ketua pemburu kapur.

12. Setelah semua maklumat diperolehi, Bona Hayu akan kembali ke rumah dan berkhayal dengan candu. Menanti dalam mimpinya akan kehadiran wanita yang memberinya beras. Warna muka wanita itu menandakan warna pokok yang akan ditebang dan butir beras juga menunjukkan berapa banyak hasil kapur yang akan diperolehi kelak.
13. Apabila wanita itu menjelma, ayam putih akan disemah untuk menghormati Begu Samboan dan Bona Hayu akan menyeru “Hei! Begu Samboan beri aku tahu di mana ada kapur? Jika kau tidak memberi tahu, aku akan mati dalam hina kerana malu!” Selepas itu Bona Hayu akan kembali kepada pencari kapur untuk memberi tahu warna binatang yang akan dikorbankan untuk Begu Samboan. Kadangkala bukan binatang korban yang diminta malah yang diminta ialah anak raja atau penghulu yang juga diculik dan dibiarkan mati di dalam hutan dimakan oleh Begu Samboan.
14. Setelah korban yang diminta ditunaikan, dengan panduan ketua yang telah dipilih mereka akan masuk ke hutan untuk menebang pokok. Ramai yang berjaya mendapatkan kapur ada juga yang hampa tidak mendapat apa-apa. Jika tidak berhasil maka mentera akan dibacakan semula, ada ketika pencari kapur tidak mengikut kehendak Bona Hayu dan adalah menjadi tanggungjawab Bona Hayu untuk melunaskan janji kepada Begu Samboan untuk mengelak malapetaka.

Kebiasaannya pembantu Bona Hayu yang akan menjadi korban ganti.

15. Korban ganti selalunya terjadi apabila Bona Hayu dan pembantunya kembali ke pondok waktu petang, dan apabila pembantunya terlelap maka Bona Hayu akan meletakkan kain putih di atas kepala pembantu dan menyeru “Hei! Semangat yang berkuasa, maafkan aku kerana tidak dapat memenuhi kehendak kau, terimalah korban manusia ini sebagai ganti agar aku selamat dan kembali mendapat kapur”.
16. Apabila kembali dengan membawa kapur yang banyak, mereka akan disambut dengan gendang dan monartor (sejenis tarian Batak purba).
17. Dalam apa jua keadaan Bona Hayu tidak boleh dihukum dan juga tidak perlu membayar cukai.
18. Penyembelihan dan korban untuk mendapatkan kapur telah direkodkan oleh Ibnu Batuta pada 1377 M seperti berikut:

Pohon-pohon yang mengandungi kapur adalah sejenis buluh yang serupa dengan tanaman air dan di kawasan kita, perbedaannya adalah bahagian di antara dua bonjol lebih panjang dan lebih tebal. Ketika batangnya dipotong tangkai yang mengandungi kapur kelihatan. Ada suatu rahsia yang menghairankan, iaitu kapur hanya diperolehi dari dalam batangan buluh jika seekor binatang yang disembelihkan pada kaki pohonnya. Di kawasan kapur yang terbaik disebut al-hardalah dan

mencapai darjat kedingingan yang tertinggi. Beratnya sedragma (=3,24 gram, catatan penterjemah) cukup untuk mematikan seseorang dengan menghentikan pernafasan. Jenis kapur ini diperolehi daripada pohon buluh yang dekatnya telah disembelih seorang manusia. Korban manusia boleh diganti dengan beberapa gajah muda. (Nurfaezal, 2021, seperti yang dipetik dalam Guillot, 2002)

Catatan Ibnu Batuta pada 1377 M itu menunjukkan bahawa tatacara khurafat ini telah diamalkan cukup lama dan telah memakan korban yang ramai. Amalan-amalan lagenda dan mistikal pemburu kapur suku Batak jahiliah ini dikatakan telah diluputkan pada zaman kolonial Belanda pada abad ke-17 M (Nurfaezal, 2021) kerana menurut kisahnya Begu Samboan tidak lagi suka akan korban manusia dan ketika itu tiada lagi manusia yang hilang dihutan akibat diculik semangat jahat Begu Samboan. Namun Begu akan membuatkan seseorang itu sakit atau patah jika tidak memenuhi permintaannya.

Kapur Menurut Kepercayaan Orang Melayu Semenanjung

Kapur baru mempunyai tempat yang tersendiri dalam budaya Melayu malah pernah menjadi sebutan *trending* dalam *pop-culture* masyarakat Melayu samada digunakan sebagai elemen cerita lawak, seram atau kritik sosial. Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sebagai contohnya menggunakan kapur baru

dalam filem *Do Re Mi* sebagai elemen komedi ketika berjumpa bapanya yang kedekut untuk meminjam wang bagi menguruskan jenazah isteri yang dikatakan mati akibat tertelan kapur barus sebanyak ‘dua belas biji’ (Ramlee, 1966), padahal duit itu bukan untuk tujuan jenazah, tetapi untuk membayar hutang ceti.

Manakala dalam elemen seram pula, Tamar Jalis dalam karya novel siri ‘Bercakap dengan Jin’ menggunakan bau kapur barus untuk menggambarkan kehadiran jin, hantu atau syaitan untuk membangkitkan elemen seram dalam babak-babak novelnya (Jalis, 2024, bab. 107). Pengaruh novel-novel seram yang laris tersebut mempunyai impak psikologi kepada orang Melayu kerana kapur barus dengan baunya yang tersendiri pantas mengingatkan suasana pengurusan jenazah dengan kain kapan yang menandakan kehadiran hantu pocong, makhluk halus atau jin syaitan yang tentunya meremangkan bulu roma.

Namun hakikatnya, bau kapur barus yang harum itu sebenarnya tidak menarik hantu, syaitan atau jin kerana makhluk-makhluk itu lebih gemar kepada bau-bauan yang busuk dan persekitaran kotor atau tidak bersih. Bau kapur barus yang harum ini sebenarnya mempersiapkan satu tempat ibadat yang hening dan dingin bagi tujuan beribadah dalam keadaan yang mendamaikan. Bau kapur barus sebenarnya membawa satu keinsafan kerana mengingatkan manusia tentang kematian.

Selain itu menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2024, September 20) dalam hadis riwayat Muslim (2254) Rasulullah s.a.w juga berwangi dengan kafur. Daripada Nafi' RA, dia berkata:

كَانَ ابْنُ عُمَرَ إِذَا اسْتَجْمَرَ اسْتَجْمَرَ بِالْأَلْوَةِ، غَيْرَ مُطَرَّاءٍ وَبِكَافُورٍ، يَطْرَحُهُ مَعَ الْأَلْوَةِ
ثُمَّ قَالَ هَكَذَا كَانَ يَسْتَجْمِرُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

(Kana Ibn Umar iza istajmar, istajmar bil-aluwah, ghaira mutaratatin wa bi kaafur, yatrachuhu ma'a al-aluwwati, summa qala: "Haza kana yastajmiru Rasulullah Sallallahu alaihi wasalam".)

Maksudnya: *Ibnu Umar apabila ingin berwangi maka dia akan berwangi dengan kemenyan, tanpa mencampurkan dengan bahan lain, atau berwangi dengan kafur, atau mencampurkan kafur dan kemenyan. Dia berkata: “Beginilah Rasulullah SAW berwangi.”* Hadis riwayat Muslim (2254)

Tatacara dan Ritual Pemburu Kapur Kaum Aslian Melayu

Sebelum kapur terkenal sebagai bahan komersial dan menjadi buruan pedagang antarabangsa, kaum aslian kuno Melayu-Proto iaitu Semang, Jakun sehingga ke kepulauan Melanesian, terlebih dahulu tahu kelebihan dan kegunaan kapur. Kapur ialah komoditi mahal yang menjadi rebutan, menurut Lake et al. (1894), sudah menjadi adat jika seorang pemburu kapur yang telah memenuhi karung kapurnya dengan banyak tiba-tiba terserempak dengan seorang pemburu yang lain maka

boleh diadakan pertarungan sehingga mati, yang hidup boleh merampas seluruh kapur itu serta mempunyai imuniti terhadap pembunuhan tersebut (Lake et al., 1894, hlm. 37). Inilah yang dikatakan ‘undang-undang Rimba’. Kajian juga membuktikan kapur Melayu telah lama diketahui sebelum kapur China dan sememangnya mempunyai harga yang sangat mahal dalam pasaran Eropah. Kapur amat dicari oleh pedagang China, Siam dan Jepun untuk dijadikan kemenyan, bahan pengawet dan ubat-ubatan. (Lake, et al., 1894, hlm. 38)

Menurut Lake, Kelsall & Ridley (1894, hlm. 35-40) dan Miklucho-Maclay (1878, hlm. 38-44) orang asli Semenanjung Malaysia mempunyai adat dan pantang larang khas yang dicipta untuk memburu kapur yang disebut sebagai ‘pantang kapur’ dan menggunakan dialek ‘bahasa kapur’. Ritual pemburuan kapur barus Melayu dikaitkan dengan kepercayaan lama *superstitions* yang bersabit dengan pengumpulan kapur oleh orang Hulu atau suku Jakun Melayu yang terkenal kuat dengan pantang larang (Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia, 2022).

Orang Jakun percaya ada makhluk yang dinamakan ‘bisan’ atau semangat yang menjadi ‘penjaga’ kapur. Bagi mereka mustahil pemburu akan mendapat kapur tanpa ritual semahan terhadap ‘penunggu’ tersebut. Bisan ini mengeluarkan suara bising pada malam hari, dan itu petanda ada pokok kapur yang berhampiran. Sebelum memulakan pemburuan, orang Jakun akan melemparkan makanan ke dalam hutan sebagai

simahan kepada Bisan (Skeat, 1900, hlm. 213), namun tiada mentera tertentu digunakan tetapi petuanya semua bekalan makanan yang dibawa hendaklah kering; tiada sayur-sayuran atau atau ikan rebus. Garam yang dibawa pula hendaklah garam buku; kerana dipercayai hasil kapur akan mengikut jenis garam yang dibawa, jika halus, maka haluslah kapurnya (Lake et al.,1894, hlm. 35-40). Bisan tidak akan berbunyi sewaktu musim hujan. Ada ketika orang Jakun dan Melayu masuk ke hutan memburu kapur selama tiga hingga empat bulan lamanya dan pada ketika itu bukan sahaja pemburu yang berpantang kapur, malah keluarga yang ditinggalkan di kampung juga perlu berpantang kapur (Skeat, 1900, hlm. 213). Kapur hanya didapati dari pokok tua, tetapi bukan semua pokok ada kapur, dan untuk mendapatkannya pokok kapur itu perlu ditebang dan dibelah. Antara tanda-tanda pokok mempunyai kapur ialah tercium baunya apabila batangnya ditetak Apabila selesai kapur dicuci dan dijual kepada peraih China di Kuala Endau dengan harga \$15 ke \$14 sekati (Skeat, 1900, hlm. 213).

Bahasa Kapur pula merupakan salah satu dialek dari bahasa Melayu namun kebanyakan ayatnya tidak difahami. Dialek yang telah pupus ini dipercayai ia adalah dialek asli suku Jakun yang mendiami kawasan Sembrong dan Endau (Skeat, 1900, hlm. 213). Menurut Maclay, dialek bahasa Kapur merupakan bahasa orang asli di Johor yang telah pupus selari dengan kematian generasi awal yang menggunakan bahasa ini dan kemudian beransur-ansur berganti dengan bahasa Melayu.

Menurut Maclay, ia merupakan dialek suku Melanesian yang kemudian bersemenda dengan orang Melayu mengakibatkan kepupusan dialek tersebut. Dialek Melanesian ini mempunyai kesamaan dengan dialek orang di Papua, Indonesia. Menurut Sulaiman, Wan Teh, & Nik Abdul Rahman(2016, hlm. 219), *“orang Melanesian juga termasuk dalam golongan Melayu-Proto yang mendiami pentas Sunda di alam Melayu sejak ribuan tahun dahulu. Mereka berasal dari suku Semang yang juga suku yang membenihkan suku Jakun dan Melayu moden hari ini.”*

Dialek ini masih bertahan dan kekal relevan sehingga saat kajian awal yang dilakukan pada tahun 1874 kerana ‘bahasa kapur’ merupakan bahasa penting dalam ritual memburu kapur. Menurut kepercayaan mereka, kapur akan hilang dari pandangan mata, atau mata dihijab daripada pandangan mata jika tidak ‘berpantang dan berbahasa kapur’. Oleh kerana kepercayaan itu, para pemburu kapur termasuklah orang Melayu yang tinggal di hutan mempelajari bahasa ini dan menjadikan ia dapat bertahan selama mampu (Miklucho-Maclay, 1878, hlm. 38–44)

Untuk memahami rasional disebalik perkara khurafat ini amat mudah, orang asli berusaha untuk mengekalkan eksklusiviti pemburuan kapur terhadap kaum mereka sendiri agar sumber pendapatan mereka itu tidak terlepas ke tangan orang lain. Dengan cara mengekalkan bahasa dan kepercayaan khurafat itu

secara tidak langsung menghindari persaingan dalam memburu dan mendapatkan hasil hutan. Dengan mengekalkan bahasa lama dan kepercayaan lama maka mereka merasakan mereka masih menyimpan rahsia nenek moyang mereka sejak ribuan tahun dahulu. Kepercayaan khurafat itu berjaya mengekalkan untuk masa yang sangat lama satu bahasa yang hampir pupus, dan bahasa itu menjadi asas bukti kepada kaitan pertalian bangsa, bahasa, kepercayaan, adat, adab dan tatacara pemburuan kapur hari ini dengan warisan zaman silam Melayu-Proto (Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia, 2022) yang berusia ribuan tahun dahulu (Miklucho-Maclay, 1878, hlm. 38–44).

Pemburuan Kapur Barus Menurut Kaedah Islamik

Setelah kedatangan Islam, kepercayaan khurafat yang berkaitan dengan kapur barus dan amalan mistik secara umum ditentang keras. Apatah lagi yang melibat pembunuhan manusia yang tidak bersalah, yang tidak dapat diterima oleh mana-mana agama dan hukum manusia yang waras dan bertamadun. Islam mengajarkan bahawa tidak ada kekuatan selain daripada Allah yang dapat memberi manfaat atau mudarat kepada manusia, dan segala amalan yang melibatkan unsur syirik dan khurafat adalah dilarang. Oleh itu, tatacara pemburuan kapur barus menurut Islam lebih berfokus kepada prinsip tauhid, etika, dan keberkatan yang dijamin melalui cara-cara yang sah dan tidak melibatkan kepercayaan yang tidak berasaskan wahyu. Namun

ini bukan bermakna fahaman tahyul dan khurafat itu hilang sama sekali daripada pengamalan masyarakat Melayu keseluruhannya, ini kerana ilmu sihir dan khurafat itu akan sentiasa ada selagi ada pengamal ilmu hitam yang berpandukan taghut.

Perkara ini turut dipersetujui oleh Maskudin Simantujak dan Jalungun Laban (temubual informan, 2024) yang menurut mereka, tidak perlu kepada upacara tahyul dan khurafat kerana pokok kapur sangat mudah dikenali jika berada di dalam hutan kapur. Cara pengambilannya ialah dengan ditebang pokok setelah dilihat akan tanda-tanda yang pokok itu mempunyai kapur. Menurut Maskudin, untuk mengambil kapur harus dimulai dengan bacaan Bismillah dan salawat sahaja kerana di zaman sekarang ini tidak lagi mengamalkan upacara-upacara khurafat, apatah lagi pokok kapur sudah menjadi kurang dan langka akibat ditebang dan diganti dengan pokok sawit. Ini dapat dilihat di hutan sempadan Barus dan Singkil yang dahulunya ialah penuh dengan pokok kapur seluas mata memandang (kajian lapangan, 2024, 27 Ogos). Cara pemburuan dan pengambilan kapur barus dengan kaedah Islamis moden akan dibicarakan melalui kajian lapangan dan obvervasi seperti berikut.

Tatacara Pemburuan Kapur Cara Moden di Sumatera

Hasil kajian lapangan di ladang kapur persendirian dan

warisan keluarga berusia 200 tahun milik seorang Batak bernama Jalungun bin Laban, 73 tahun, Sirondurung di Barus, Sumatera pada 27 Ogos 2024 menunjukkan bahawa tatacara pemburuan kapur barus yang dilakukan oleh suku Batak telah berubah dan tidak lagi bergantung kepada tahyul dan khurafat. Ini kerana pokok yang mempunyai kapur dapat dikenali melalui pengalaman berpuluh tahun dengan melihat kepada tanda pada rupa bentuk batang kapur tersebut samada melalui batangnya, pucuknya, kondisi kulit, umur serta baunya.



Gambarajah 4: Ladang kapur persendirian di Barus, Sumatera Utara, Indonesia (Abdullah, 2024)

Menurut Jalungan Laban, ciri-ciri pokok kapur yang mempunyai hasil adalah seperti berikut (temubual informan, 2024, 27 Ogos):

1. Kematangan usia sekitar 25-35 tahun
2. Rosak batangnya (akibat petir, serangga, binatang liar)
3. Pucuknya mati dan berganti baharu
4. Baunya sangat kuat
5. Mempunyai damar ketika ditetak (perlu ditunggu seminggu sebelum boleh diambil damarnya).
6. Secara tradisional pokok kapur perlu ditebang untuk mendapatkan minyak pada umbilnya dan kemudian diolah dan dibelah sebelum mengambil bongkah atau kristal kapur di tengah-tengah batang.

Menurut Jalungun Laban (temubual informan, 2024), kayu kapur akan menjadi rosak jika minyaknya dikeluarkan dengan cara menebuk batangnya ini kerana kesan tebukan itu akan dimasuki serangga yang menyebabkan penyakit dan serangan kulat yang mereputkan kayu kapur dari dalam. Menurut Jalungun lagi kaedah mengambil minyak kapur ialah menebang pokoknya, ditadah minyaknya dan kemudian diolah kayunya untuk mengambil kristal kapur yang bernilai tinggi di tengah batangnya seperti yang dicari oleh pedagang-pedagang Mesir kuno dahulu. Jika minyaknya diambil maka tiada lagi sumber minyak daripada banir yang dapat berubah menjadi kristal dan yang tinggal hanya kayunya sahaja yang kemudian dapat digunakan untuk membuat perabot dan lain-lain. Menurut informan kedua, Maskudin Simantujak (temubual informan, 2024, 27 Ogos), 48 tahun seorang penggiat seni budaya dan sejarah Barus, turut bersetuju dengan kaedah pemburuan dan

pengambilan kapur barus seperti Jalungun, cuma menurutnya menebuk lubang untuk mendapatkan minyak umbil tidak akan merosakkan kayu kapur cuma hilang minyak yang mengambil masa 35 tahun untuk pembentukannya.

Apa yang menarik di sini ialah, sungguh pun Jalungun Laban seorang Batak yang sangat percaya kepada mimpi, nasib malang, tahyul dan khurafat dan masih menggunakan khidmat bomoh; terutamanya untuk membuang sial keluarganya yang selalu ditimpa kematian tragis, dengan semahan babi panggang di jirat tua milik leluhurnya, namun beliau tidak menyentuh perkara tahyul dan khurafat dalam tatacara pengambilan kapur barus. Kedua-dua informan juga tidak pernah mendengar legenda Bona Hayu mahu pun Begu Semboan seperti yang dicatat dalam legenda Batak lama di Indonesia seperti yang telah dipetik oleh Nurfaezal (2021). Ini menunjukkan kaedah pemburuan kapur telah berubah secara beransur-ansur dari kaedah jahiliah kepada kaedah tradisional di zaman Islam. Perkara ini boleh berlaku akibat dari penguatkuasaan undang-undang yang mana pemburu kapur tidak lagi kebal undang-undang dan tidak boleh lagi mengamalkan undang-undang rimba di abad ke-21.

Pemburuan Kapur Barus Menurut Kaedah Moden

Menurut pakar taksonomi dan botani Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Siti Eryani

Suterisno, semua pokok kapur mempunyai anatomi yang sama dan setiap pokok kapur yang matang akan menghasilkan damar, minyak atau mempunyai kristal yang sama bergantung pada umur pokok tersebut. Perkara ini selari dengan input yang diberikan oleh Jalungun dan Maskudin.

Walaupun amalan tahyul khurafat tidak lagi diamalkan, dan kaedah pemburuan kapur di zaman moden berpaksi pada fakta **saintifik** namun masih belum ada usaha untuk mencari cara terbaik mengeluarkan atau mengambil hasil kapur tanpa perlu menebang pokoknya. Ini kerana menurut Siti Eryani Suterisno, pokok kapur menyimpan minyak, kristal dan damarnya di dalam batang gumbal atau *sapwood* dan belum ada kajian secara serius untuk mengeluarkan hasil itu tanpa merosakkan pokoknya. Menurutny lagi, pokok kapur berbeza dengan pokok gaharu yang rompong. Pokok gaharu hanya akan mengeluarkan antibodi getah gaharu (yang harum) apabila dicerederakan, dan pokok gaharu tidak menyimpan getah, minyak atau damar di dalam batangnya seperti pokok kapur.

Oleh itu pemburuan kapur di zaman moden masih mengekalkan unsur-unsur tradisional Islam tetapi kerana kesedaran terhadap statusnya yang terancam menyebabkan pemburuannya menjadi lebih terkawal dan berlandaskan prinsip kelestarian alam sekitar. Dalam konteks ini, pemburuan kapur yang langka bukan lagi untuk kegunaan mewah seperti dahulu contohnya sebagai pengawet mayat, bahan api pelita, bahan

baku minyak wangi, tetapi jika pun ada, digunakan berdikit-dikit sebagai bahan perubatan tradisional untuk mereka yang mengenali dan mengetahui khasiatnya. Kristal kapur di zaman moden tidak lagi menjadi buruan tetapi menjadi bahan kajian, pendidikan dan penyelidikan untuk melihat potensi dan bagaimana ia boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti hidup manusia tanpa merosakkan alam sekitar atau mencetuskan krisis penebangan hutan tanpa kawalan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, artikel ini menawarkan pencerahan yang komprehensif berkenaan perbezaan yang signifikan antara kapur Melayu dan kapur China, di samping menelusuri sejarah kejatuhan serta kekeliruan yang sering melingkari naratif sejarah berkaitan kapur. Perbincangan ini turut memperincikan evolusi tatacara pemburuan kapur barus dalam pelbagai era peradaban manusia. Bermula dari zaman jahiliah yang sarat dengan kepercayaan mistikal dan unsur khurafat, evolusi ini kemudiannya dipengaruhi oleh ajaran Islam yang memperkenalkan pendekatan yang lebih sistematik, rasional dan berteraskan nilai tauhid. Perubahan ini tidak terhenti di situ, malah berterusan hingga ke era moden, apabila pendekatan saintifik dan pemahaman berdasarkan fakta empirikal mula mendominasi wacana dan amalan pemburuan.

Keseluruhannya, proses perkembangan ini mencerminkan bagaimana perubahan dalam struktur masyarakat, sistem kepercayaan, pengalaman budaya, keilmuan tempatan, serta kemajuan sains telah menyumbang kepada pembentukan pemahaman dan pendekatan baharu terhadap kapur barus dalam konteks yang lebih luas dan bersepadu.

Kedatangan teknologi moden diharap menjadi pemangkin kepada pelaksanaan pendekatan yang lebih saintifik, sistematik dan lestari dalam bidang penanaman serta pemuliharaan semula hutan kapur. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan keberkesanan teknik pengurusan sumber, malah turut memberi fokus kepada keseimbangan ekologi dan kelestarian alam sekitar.

Dalam konteks pokok kapur barus yang bernilai tinggi ini, penggunaan teknologi moden boleh membantu dalam memantau kadar pertumbuhan, menilai kesihatan pokok, serta menentukan masa dan kaedah pengambilan damar dan kapur yang tidak merosakkan struktur pokok. Justeru, pengurusan sumber secara lestari perlu mengutamakan prinsip mesra alam, beretika dan tidak bersifat eksploitatif.

Bagi memastikan spesies pokok kapur yang penuh berkah dan signifikan dari sudut budaya, ekonomi dan spiritual ini tidak pupus akibat tekanan pemburuan dan perubahan habitat, para pengkaji, jurutera hutan, pakar agronomi serta para

pengusaha perlu berganding bahu untuk mencipta inovasi baharu yang lebih efektif, efisien dan bertanggungjawab.

Artikel ini turut membuka ruang luas untuk penyelidikan lanjutan yang dapat memperkukuh lagi pemahaman masyarakat yang prihatin terhadap potensi besar tumbuhan kapur barus, yang keberadaannya turut disebut secara khusus dalam al-Quran dan al-Hadis. Penekanan terhadap aspek spiritual, sejarah dan saintifik tumbuhan ini mampu merangsang minat pelbagai pihak, termasuk para akademik, pembuat dasar, pengusaha serta masyarakat umum, untuk meneroka nilai dan kegunaan kapur barus secara lebih menyeluruh. Dalam era yang semakin menekankan kelestarian dan kesejahteraan sejagat, penggalakan terhadap penggunaan sumber ini secara bertanggungjawab dan lestari merupakan langkah penting ke arah pemeliharaan alam sekitar dan peningkatan kualiti hidup manusia. Justeru, kesinambungan penyelidikan dalam bidang ini sangatlah penting agar manfaat kapur barus dapat dimaksimumkan tanpa mengorbankan integriti ekologi dan warisan spiritual yang terkandung di dalamnya.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdullah, H. (2017, July 3). Kias tersirat: Kisah kafur barus dan rahsianya bahagian 1 [Video]. *TheMalayPress*. <https://www.youtube.com/watch?v=hclfn6pwlc8>
- Abdullah, M. H. (2016). *Penjaga kompleks makam Mahligai* [Kajian lapangan dan temubual informan, Zahirudin Pasaribu, makam Mahligai]. Barus, Indonesia.
- Abdullah, M. H. (2024, October 3). *Pakar botani Bahagian Biodiversiti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)* [Kajian lapangan dan temubual informan dengan Siti Eryani Suterisno]. Hebarium, FRIM, Kepong, Malaysia.
- Abdullah, M. H. (2024, Ogos 27). *Tapak ladang warisan kapur barus, Sumatera Utara, Indonesia* [Kajian lapangan dan temubual informan, Jalungun Laban, pemilik ladang kapur persendirian di Sirondurung, Barus]. Sumatera Utara, Indonesia.
- Abdullah, M. H. (2024, Ogos 27). *Sejarah, Budaya serta Kegunaan Kapur Barus oleh Masyarakat di Barus, Sumatera Utara, Indonesia* [Kajian lapangan dan temubual informan, Maskuddin Simantujuk, penggiat seni budaya dan sejarah Barus]. Hotel Pangeran, Sumatera Utara, Indonesia.
- Abdullah, M. H. (2024). *Sejarah Kapur Barus di Alam Melayu* [Kajian lapangan dan temubual informan dengan Zakaria Ghazali, Tokoh Sejarawan Malaysia, Jabatan Sejarah Universiti Malaya]. Kuala Lumpur, Malaysia
- Al Adiha, F. N. H. (2021, June 1). Zanjabil dan kafur: Dua minuman surga yang disebutkan dalam Al-Quran. *Tafsir Tematik*. <https://tafsiralquran.id/zanjabil-dan-kafur-dua-minuman-surga-yang-disebutkan-dalam-al-quran/>
- Al-Quran: Surah Al-Insan, ayat 5. (2024). Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu. Capaian 11 Julai 2024. <https://www.surah.my/76>
- Al-Quran: Surah Al-Hijr, ayat 9. (2024). Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu. Capaian 20 Julai 2024. <https://www.surah.my/15>

- Al-Quran: Surah Al-Qamar, ayat 49. (2024). Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu. Capaian 11 Julai 2024. <https://www.surah.my/54>
- Alwee, A. I. (2022, June 10). Mengenal Hamzah Fansuri & sumbangannya kepada dunia kesusasteraan Melayu. *KOMENTAR*. <https://berita.mediacorp.sg/komentar/komentar-mengenal-hamzah-fansuri-sumbangannya-kepada-dunia-kesusasteraan-melayu-631886>
- Arifin, A., Nik Hussain, N. H., & Rosdi, M. R. (2020). The effects of the Anglo-Siamese Treaty 1909 on northern Malay states. *European Proceedings on Social and Behavioural Sciences EpSBS*, ICH2019 International Conference on Humanity, European Publisher, 629–638. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2020.10.02.57>
- Barstow, M., & Randi, A. (2020). Dryobalanops aromatica (errata version published in 2020). *International Union for Conservation of Nature*. <https://www.iucnredlist.org/species/61998024/173026192>
- Bazzano, A. N., Var, C., Grossman, F., & Oberhelman, R. A. (2017). Use of camphor and essential oil balms for infants in Cambodia. *Journal of Tropical Pediatrics*, 63(1), 65–69. <https://doi.org/10.1093/tropej/fmw013>
- Blumea balsamifera. (2023). Malaysia Biodiversity Information System (MyBIS). Capaian 17 Jun 2023. <https://www.mybis.gov.my/sp/124>
- Breazeale, K. (1999). From Japan to Arabia: Ayutthaya's maritime relations with Asia. Bangkok: Toyota Thailand Foundation; The Foundation for the Promotion of Social Sciences and Humanities.
- Britannica, T. Editors of Encyclopaedia. (2024, February 29). Camphor. *Encyclopedia Britannica*. <https://www.britannica.com/science/camphor>
- Brown, E., Dudley, N., Lindhe, A., Muhtaman, D. R., Stewart, C., & Synnott, T. (Eds.). (2013, October). Common guidance for the identification of High Conservation Values. *HCV Resource Network*. <https://fsc.org/sites/default/files/2019->

[04/Common%20Guidance%20for%20the%20HIGH%20CONSERVATION%20VALUES.pdf](#)

- Burkill, I. H. (1935). *A Dictionary of the Economic Products of the Malay Peninsula* (p. 867). Crown Agents for the Colonies.
- Camphor (Ingredient). (2024, July 15). *Drugs.com*. <https://www.drugs.com/ingredient/camphor.html>
- Camphor. (2024, July 15). *Merriam-Webster.com Dictionary*. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/camphor>
- Chan, C. K., Chan, Y. C., & Lau, F. L. (2009). Status epilepticus after topical application of a solution containing camphor. *Emergency Medicine Journal*, 26(1), 76. <https://doi.org/10.1136/emj.2008.063198>
- Chew, M. Y. (2012). Pokok kapur susun atur di langit. *FRIM*. <https://www.frim.gov.my/ms/warna-frim/pokok-kapur-susun-atur-di-langit/>
- Curtis, E. (1999). Chinese furniture materials: Camphor (Xiangzhang). C. L. Ma *Collection: Traditional Furniture from the Greater Shanxi Region*. White Lotus Press. Capaian 14 Julai 2024. https://www.chinese-furniture.com/c_furniture/m_camphor.html
- de Miklucho-Maclay, M. (1878). Dialects of the Melanesian tribes of the Malay Peninsula. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 1, 38–44. https://en.wikisource.org/wiki/Journal_of_the_Straits_Branch_of_the_Royal_Asiatic_Society/Volume_1/Dialects_of_the_Melanesian_Tribes_of_the_Malay_Peninsula
- Donkin, R. A. (1999). *Dragon's Brain Perfume: An Historical Geography of Camphor*. Brill.
- Emery, C. (2022). The 33 most spoken languages in the world (2021). *Langoly - The Ultimate Language Resource*. <https://www.langoly.com/most-spoken-languages/>
- Emery, D. P., & Corban, J. G. (1999). Camphor toxicity. *Journal of Paediatrics and Child Health*, 35(1), 105–106. <https://doi.org/10.1046/j.1440-1754.1999.00347.x>
- Farooqi, M. I. H. (2011). *Henna or camphor in the light: Plants of the Quran* (9th ed.). Sidrah Publisher.
- Gan, K. S., Choo, T., & Lim, C. S. (1999). Timber notes – medium hardwoods I (Kapur, Kasai, Kelat, Keledang,

- Kempas). *Timber Technology Bulletin*, No. 11, Timber Technology Centre (TTC), FRIM, Kepong, Kuala Lumpur.
- Gimlette, J. D. (2019). *Malay poisons and charm cures* (Re-edited ed.). Silverfish Books.
- Guillot, C. (2002). *Lobu Tua Sejarah Awal Barus (Pendahuluan)* (D. Perret, Trans.). Yayasan Obor Indonesia.
- Guillot, C., & Kalus, L. (2007). Batu nisan Hamzah Fansuri. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 1(2009), 27–49. Ecole francaise d'Extreme-Orient & Departemen Kebudayaan dan Pariwisata. Retrieved July 17, 2022, from <http://journalarticle.ukm.my/1517/>
- Guilbert, J., Flamant, C., Hallalel, F., Doummar, D., Frata, A., & Renolleau, S. (2008). Anti-flatulence treatment and status epilepticus: A case of camphor intoxication. *Emergency Medicine Journal*, 24(12), 859–860. <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/18029526/>
- Hamidy, Z. H., Fachruddin, H. S., Thaha, N. H., Arifin, J., & Zainuddin, A. R. (1990). *Terjemah hadis shahih Bukhari* (Vols. 1–4). Klang Book Centre. “...Terakhir campurlah dengan Kafur (semacam tumbuh-tumbuhan yang harum juga)”
- Hashim, M. (2024). *Tumbuh-tumbuhan ubatan di Negeri Pahang*. Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.
- Hurt, A. (2021, April 10). Eight ancient languages still spoken today. *Discover Magazine*. <https://www.discovermagazine.com/planet-earth/eight-ancient-languages-still-spoken-today>
- Jalis, T. (2024). *Mahkluk Aneh di Dusun Durian-Bab 107*. In *Siri Bercakap dengan Jin* (Vol. 7). Kuala Lumpur. Retrieved July 13, 2024, from <https://www.scribd.com/doc/60191356/Siri-Bercakap-Dengan-Jin-Jilid-7>
- JPSM. (2023). *Kapur barus: Info perhutanan*. Forestry Department Malaysia. Retrieved June 10, 2023, from https://www.forestry.gov.my/images/info-perhutanan/damar/kapur_bm.pdf

- Kamariyah, A. S., Ozek, T., Demirci, B., & Baser, K. H. C. (2012). Chemical composition of leaf and seed oils of *Dryobalanops aromatica* Gaertn. (Dipterocarpaceae). *ASEAN Journal on Science and Technology for Development*, 29(2), 105–114.
<https://ajstd.ubd.edu.bn/journal/vol29/iss2/4>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2024). *Kapur*. Retrieved July 10, 2024, from
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kapur>
- KLCC. (2021). *Info Kapur*. Kajian lapangan. Taman Menara Berkembar KLCC, Kuala Lumpur.
- Lake, H. W., Kelsall, H. J., & Ridley, H. N. (1894). The camphor tree and camphor language of Johore. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 26, 35–40. Retrieved June 16, 2023, from
<http://www.jstor.org/stable/41560850>
- Marwat, S. K. (2009). Aromatic plant species mentioned in the Holy Qur'an and Ahadith and their ethnomedical importance. *Pakistan Journal of Nutrition*, 8(9), 1472–1479.
<https://scialert.net/fulltext/?doi=pjn.2009.1472.1479>
- Maulipaksi, D. (2017, March 25). *Presiden Jokowi dan Mendikbud resmikan Tugu Titik Nol Peradaban Islam Nusantara*. Ministry of Education and Culture of Indonesia.
<https://www.kemdikbud.go.id/main/blog/2017/03/presiden-jokowi-dan-mendikbud-resmikan-tugu-titik-nol-peradaban-islam-nusantara>
- Md Ariffin, M. F., Ahmad, K., Mohd Yusoff, M. Y., Awang, K., Othman, R., Abd Razzak, M., Raja Yusof, R. J., Fauzi, N., & Yakob, M. A. (2015). Kajian bibliometrik terhadap bahan penerbitan berhubung Kapur Barus: Meneliti potensi penyelidikan terbaru. *Jurnal Intelek PJIM&A*, 10(1), 12–24.
<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/35864/1/35864.pdf>
- Muchsin, M. A. (2017). Barus dalam sejarah: Kawasan percaturan politik, agama dan ekonomi dunia. *ABABIYA*, 19(1), 1–12.
<https://doi.org/10.22373/adabiya.v19i1.7481>

- Muhammad, R., & Ahmad, T. (2020). Malay camphor in Arabic text and its latest trend of research. *European Proceeding, Innovation and Transformation in Humanities for a Sustainable Tomorrow*, 89, 720–729. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2020.10.02.67>
- NCBI. (2024). PubChem Compound Summary for CID 6552009, Borneol. Retrieved March 24, 2024, from <https://pubchem.ncbi.nlm.nih.gov/compound/Camphol>
- NCBI. (2024). PubChem Compound Summary for CID 2537, Camphor. Retrieved March 24, 2024, from <https://pubchem.ncbi.nlm.nih.gov/compound/Camphor>
- Nurfaezal, N. (2021). Barus and camphor in the early history of Islam in Nusantara. *Asia-Pacific Journal on Religion and Society*, 5(2), 60–74. <https://ejournal.uin-suska.ac.id/index.php/asiapacific/article/view/21574>
- Orwa, C., et al. (2009). *Cinnamomum camphora* - Xiangzhang. *Agroforestry Database 4.0*, 1–5. Retrieved July 15, 2024, from https://apps.worldagroforestry.org/treedb2/AFTPDFS/Cinnamomum_camphora.PDF
- Perret, D., & Surachman, H. (2015). *Barus: Negeri Kamper Sejarah Dari Abad ke-12 Hingga Pertengahan Abad ke-17* (pp. 602–606). KPG (Kepustakaan Populer Gramedia) & Ecole Francaise D'Extreme-Orient.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka. (2024). *Kapur*. Retrieved July 10, 2024, from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kapur>
- Po, R. C. (2020). The camphor war of 1868: Anglo-Chinese relations and imperial realignments within East Asia. *The English Historical Review*, 135(577), 1461–1487. <https://doi.org/10.1093/ehr/ceaa313>
- Racz, J., & Ibrahim, Z. (1989). *Role of plantation in gene conservation with special reference to Dryobalanops aromatica Gaertn. F* (Kapur). Forest Research Institute of Malaysia.
- Ramli, S. (2015). *Istilah tumbuh-tumbuhan dalam Al-Quran Al-Karim: Kajian leksikografi dan wacana bahasa Arab* [Doctoral dissertation, Universiti Malaya].

- Ramli, S., Atoh, N., Mohd Zakaria, Z., Mohammad Som, H., & Abd Rahman, M. Z. (2018). Analisis leksikografi dan semantik perkataan al-Kafur dalam Al-Quran. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(2), 267-281. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1802-18>
- Razak, H. A., & Rais, L. H. (1980). *Terjemahan hadis Shahih Muslim*. Pustaka Al-Husna.
- Robert, K. D. (1911). *Camphor: An industry revolutionized*. In *Some Chemical Problems of Today* (pp. 128–142). Harper and Brothers. Retrieved July 11, 2024, from https://todayinsci.com/D/Duncan_Robert/DuncanRobert-Camphor.htm
- Sempo, M. W., Fauzi, N., Mohd, R. A., & Mohd@Amat. (2019). Kearifan t empatan mengenai Kapur Barus (*Cinnamomum camphora*) menurut perspektif Islam dan budaya masyarakat Melayu abad ke-19M. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 19(1), 76–90. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol19.6>
- Ser, C. S. (1981). Malaysian timbers - Kapur. *Malaysian Forest Service Trade Leaflet*, 46, 1–6.
- Skeat, W. W. (1900). *Malay magic: Being an introduction to the folklore and popular religion of the Malay Peninsula*. Project Gutenberg. <https://www.gutenberg.org/files/47873/47873-h/47873-h.htm>
- Sulaiman, Z., Wan Teh, W. H., & Nik Abdul Rahman, N. H. S. (2016). *Asal usul Melayu, induknya di Benua Sunda*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- van der Meulen, W. J. (1974). Suvarṇadvīpa and the Chrysê Chersonêsos. *Indonesia*, 18, 1–40. <https://doi.org/10.2307/3350691>
- Vincent, A. J. (1961). A survey of the Kapur (*Dryobalanops aromatica* Gaertn. f) silvicultural treatment research plots in naturally and artificially regenerated forest Malaya. *Research Pamphlet*, 36, 29.
- WOA - Weeds of Australia. (2024). *Cinnamomum camphora* (L.) Nees & Eberm. Retrieved July 11, 2024, from https://keyserver.lucidcentral.org/weeds/data/media/Html/cinnamomum_camphora.htm

- Wolters, O. W. (1967). Early Indonesian commerce: A study of the origins of Sriwijaya. *Cornell University Press*.
- Wostheinrich, A. (1993). Some physical properties of plantation-grown Kapur and Meranti Tembaga. *Malaysia-German Forestry Research Project, FRIM*, 137, 5.
- Yusof, I. (1995). *Permata yang hilang*. Al-Kafilah Enterprise.